

# Syarat untuk negara yang melabur di sini

BH 11 MAY 1985

**KUALA LUMPUR, Jumaat** — Semua negara yang ingin melabur di Malaysia mesti patuh kepada amalan tender terbuka yang diamalkan di negara ini kerana ia menjamin layanan yang adil.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, memberitahu Presiden Republik Romania, Encik Constantin Dascalescu, hari ini syarikat dan agensi tertentu Romania juga tertakluk kepada syarat itu.

Kata Datuk Seri Dr Mahathir, tidak mungkin bagi Malaysia membuat perjanjian kontrak atau pelaburan dengan Romania tanpa melalui proses itu.

Beliau juga menjelaskan kepada Encik Dascalescu bahawa setiap rakyat di negara ini bebas membeli barangan yang mereka suka.

Oleh itu, katanya, kegiatan penggalakan atau pengiklanan, penting dijalankan oleh para pengeluar dalam usaha memajukan jualan keluaran masing-masing.

Ketua Setiausaha Kementerian Luar, Tan Sri Zainal Abidin Sulong, memberitahu para pemberita, Perdana Menteri menjelaskan kepada rakan sejawatnya bahawa menjadi tugas syarikat pengeluar Roman Truck dari Romania memperkenalkan kenderaan itu.

Encik Dascalescu, isterinya dan seramai 18 anggota rombongan Romania tiba di ibunegara hari ini untuk lawatan empat hari. Ini adalah lawatan pertama Perdana Menteri Romania ke negara ini.

Selain itu, Encik Dascalescu juga diberitahu bahawa syarikat-syarikat, khususnya pengeluar kenderaan, harus menyediakan perkhidmatan gantian untuk menjamin pasaran yang baik di negara ini.

Tambahnya, Perdana Menteri Republik Romania itu bersetuju dengan pendapat Datuk Seri Dr Mahathir dan mengakui bahawa kegiatan penggalakan barangan Romania di Malaysia masih lemah.

Kedua-dua pemimpin itu mengakui bahawa perdagangan kedua negara lemah dan kedudukan ini perlu diatasi, kata Tan Sri Zainal Abidin Sulong.

Difahamkan, jumlah dagangan antara Malaysia dengan Romania pada 1981 ialah \$71.2 juta. Malaysia mengimport \$25.9 juta dan mengeksport \$45.3 juta, tetapi jatuh kepada hanya \$23.11 juta pada tahun lalu — import \$10.51 juta dan eksport \$12.6 juta.

Tan Sri Zainal Abidin berkata, Romania mengharapkan kerjasama Malaysia di bidang-bidang seperti gas asli, mini-hidro, pemasaran berterusan Roman Truck dan menawarkan kerjasama di bidang penerokaan minyak dan gas selain pembinaan dan permodenan keretapi.

Encik Dascalescu mencadangkan supaya perjumpaan lebih kerap diadakan bukan sahaja di kalangan pegawai-pegawai kerajaan, tetapi juga wakil-wakil syarikat-syarikat dan pelbagai pertubuhan untuk mengeratkan kerjasama.

Kedua-dua pemimpin turut membincangkan isu antarabangsa dalam pertemuan empat-mata selama lebih sejam. Bagaimanapun tiada sebarang kenyataan dikeluarkan.